

# **SUKATAN PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU**

**SEKOLAH MENENGAH  
2008**



© Copyright 2007 Curriculum Planning and Development Division. This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior permission of the Ministry of Education, Singapore.  
Year of implementation: from 2008.

## **KANDUNGAN**



<b>Pengenalan</b>	<b>5</b>
<b>Matlamat dan Objektif</b>	<b>6</b>
<b>Prinsip Pengajaran Sastera</b>	<b>7</b>
<b>Aspek Pembelajaran</b>	<b>8</b>
<b>Spektrum Kemahiran</b>	<b>10</b>
<b>Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>12</b>
<b>Kajian Teks</b>	<b>13</b>
<b>Penilaian</b>	<b>16</b>
<b>Hasil Pendidikan yang Diingini</b>	<b>20</b>
<b>Lampiran</b>	
○ <b>Merancang Program Sastera</b>	<b>21</b>
○ <b>Unsur Sastera</b>	<b>25</b>
○ <b>Strategi Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>36</b>
○ <b>Penilaian – Tidak Formal dan Formal</b>	<b>53</b>

# PENGENALAN

Kesusasteraan Melayu diperkenalkan di sekolah menengah dengan tujuan untuk memberikan pendedahan terhadap karya sastera dalam kalangan pelajar. Pendedahan ini perlu kerana sastera mempunyai potensi untuk mengembangkan diri pelajar dari segi pemikiran, sahsiah atau keperibadian dan sosial. Pembelajaran sastera yang berlatarkan masyarakat setempat, serantau atau sejagat akan meningkatkan pemahaman pelajar tentang sikap anggota masyarakat dan skop budaya yang menjadi latar hasil sastera yang digunakan. Pembelajaran sastera juga membolehkan pelajar sedar akan kebudayaan, sistem nilai dan sudut pandangan jagat atau *world view* sesebuah masyarakat. Hal ini diharap akan dapat meningkatkan persefahaman sejagat dan meluaskan wawasan pelajar.

Justeru, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat sekolah menengah ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan untuk para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Melayu Lanjutan (BML) yang akan menduduki peperiksaan GCE Peringkat ‘O’.

Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu ini meliputi jangka masa pengajaran dan pembelajaran selama dua tahun, iaitu dari Menengah 3 hingga Menengah 4. Dalam jangka masa dua tahun ini, para pelajar berpeluang mempelajari beberapa genre sastera seperti yang berikut:

## • **Prosa**

- prosa tradisional (cerita rakyat, cerita jenaka dan cerita binatang)
- prosa moden (novel dan cerpen)

## • **Puisi**

- puisi tradisional (pantun, syair, gurindam dan seloka)
- puisi moden (sajak)

## • **Drama**

Mata pelajaran kesusasteraan memerlukan pelajar mengkaji teks sastera secara menyeluruh. Kajian ini meliputi pelbagai aspek sastera: tema, perutusan atau pengajaran, persoalan, nilai, plot, watak dan perwatakan, latar dan gaya bahasa.

Oleh sebab itu, guru tidak harus menyempitkan pengajaran dan kajian teks sastera kepada pengajaran kefahaman membaca semata-mata. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang dijalankan di bilik darjah perlu memenuhi keperluan kajian teks tersebut. Pelajar perlu digalakkan membaca teks sebelum kegiatan kajian dijalankan di bilik darjah. Mereka juga perlu diberi penjelasan tentang perkembangan kesusasteraan Melayu dan digalakkan membaca hal yang sama bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran menilai dan mengapresiasi teks sastera yang dipelajari oleh mereka.

Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Penerapan ketiga-tiga inisiatif, iaitu Kemahiran Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT), Kemahiran Berfikir dan Pendidikan Nasional dalam bahan pengajaran dapat menghidupkan lagi penyampaian guru. Selain itu, kegiatan pengajaran yang berpusat pada pelajar akan dapat membantu pelajar menghayati kandungan pelajaran dan meningkatkan daya afektif dan kreativiti mereka.

Kejayaan pelaksanaan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan ini bergantung pada kecekapan guru melaksanakan dan menyesuaikan kegiatan yang dirancang dengan kebolehan pelajar. Selain itu, kegiatan yang dijalankan harus dapat melibatkan pelajar secara aktif. Perancangan dan pelaksanaan kegiatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sudah pasti akan meningkatkan minat dan memupuk bakat pelajar terhadap sastera. (Sila rujuk Lampiran 1, halaman 21 )

Diharapkan pelajar bukan sahaja dapat menghargai dan menghayati bahan sastera malah dapat menganalisis bahan tersebut. Hal ini perlu bagi membolehkan pelajar memberikan pandangan dan menilai sesebuah hasil sastera yang dibaca.

## MATLAMAT

Pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang unsur-unsur kesusasteraan dan nilai-nilai murni agar mereka dapat menghayati dan menghargai bahasa, kesusasteraan dan nilai masyarakat Melayu. Melalui bahan sastera dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, para pelajar akan dididik untuk berfikir secara analitis, kritis dan kreatif. Selanjutnya diharapkan mereka akan mampu meningkatkan keupayaan berbahasa dan membina kepekaan estetik apabila membaca dan mengkaji hasil sastera Melayu.

## OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- memahami dan menghayati unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi moral, kemanusiaan sejagat, keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kenegaraan untuk membina sahsiah yang seimbang;
- memahami isi dan menganalisis aspek sastera;
- membuat interpretasi dan memberikan respons yang sesuai tentang teks sastera secara tersusun dan meyakinkan;
- menghargai dan menghayati keindahan bahasa yang terdapat dalam teks sastera; dan
- menanam minat membaca karya sastera.

# PRINSIP PENGAJARAN SASTERA

Pengajaran Sastera yang berdasarkan prinsip berikut dapat menggambarkan matlamat sukanan pelajaran.

## 1 Respons terhadap sastera

- 1.1 Penyertaan pelajar dalam melahirkan respons terhadap teks harus digalakkan.
- 1.2 Respons pelajar yang positif harus dikembangkan.
- 1.3 Pelajar diberi masa yang cukup untuk membaca, menghayati, berbincang, meneroka dan memberikan respons terhadap teks. Pelajar harus diberi peluang untuk berinteraksi melalui perbincangan dan perundingan.
- 1.4 Pelajar diberi peluang dan sokongan bagi membolehkan mereka berkongsi sudut pandangan dan menyokong sudut pandangan ini dengan bukti-bukti tekstual dan bukan tekstual.
- 1.5 Pelajar diberi peluang untuk melahirkan respons mereka dalam pelbagai bentuk pengucapan (ekspresi) melalui drama, muzik, dikir barat, sajak, penulisan kreatif dan seni lukis.
- 1.6 Suasana bilik darjah yang positif perlu diwujudkan agar perbincangan yang menggalakkan dan bermutu tentang teks sastera dapat dijalankan dengan penuh minat.

## 2 Peningkatan kemahiran untuk menilai bahan sastera

- 2.1 Kemahiran menilai bahan sastera dengan kritis dan analitikal mesti dipupuk pada setiap peringkat.
- 2.2 Pengajaran seharusnya membantu pelajar memperoleh pemahaman terhadap unsur-unsur sastera sesuai dengan kebolehan pelajar.

## 3 Pendedahan kepada bahan sastera

- 3.1 Pelajar harus diberi pendedahan kepada seberapa banyak teks. Ini termasuk pendedahan kepada:
  - pelbagai genre sastera, seperti drama, puisi dan prosa;
  - pelbagai aspek keprihatinan manusia dalam kehidupan; dan
  - pelbagai sastera dunia selain Singapura dan sastera Melayu Nusantara.

- 3.2 Pelajar harus diberi peluang menikmati dan mendengar persembahan-persembahan sastera.

**4 Pengetahuan dan kemahiran guru**

- 4.1 Guru harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai teks, sejarah dan perkembangan sastera Melayu secara keseluruhan.
- 4.2 Guru harus mengetahui kaedah-kaedah pengajaran sastera, seperti analisis struktur, dan menggabungjalinkan kaedah-kaedah ini.
- 4.3 Guru digalakkan meneroka pendekatan dan kaedah baharu yang sesuai dengan latar dan minat pelajar. Hal ini sejajar dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran yang menegaskan pelibatan pelajar (PETALS).


## ASPEK PEMBELAJARAN

Aspek pembelajaran merujuk kepada beberapa elemen yang membentuk sesuatu karya sastera secara luaran dan dalaman. Unsur luaran ialah bentuk bahasa, teknik penulisan, latar, watak dan plot. Unsur dalaman pula ialah tema, persoalan, perutusan, pengajaran, nilai-nilai dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, setiap aspek pembelajaran ini tidak diajar secara berasingan agar dapat membantu pelajar menghayati teks secara holistik dan lebih bermakna.

Setiap bidang pembelajaran ini menyediakan suatu rangka yang menggalakkan pelajar memahami, menginterpretasi dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera. Rajah di halaman 10 menjelaskan perincian tentang beberapa aspek pembelajaran yang dinyatakan.

(Keterangan tentang setiap unsur sastera dinyatakan dalam Lampiran 2, halaman 26)



## SPEKTRUM KEMAHIRAN

Pelajar perlu dilengkapi dengan spektrum kemahiran berfikir yang berikut agar mereka dapat membaca dan memberikan respons kepada pelbagai aspek pembelajaran. Contohnya, kemahiran membuat perbandingan boleh diaplikasikan apabila membandingkan perwatakan, situasi, kesan kepada gaya dan sudut pandangan penulis.

Kemahiran-kemahiran utama telah disenaraikan berserta contoh-contohnya. Kesemua kemahiran ini patut diperkenalkan dan diperkuuh pada setiap tahap. Namun tahap penguasaan kemahiran tersebut berbeza-beza bergantung pada keupayaan pelajar.

Kemahiran-kemahiran ini bertindan antara satu sama lain dan saling berkait, maka mengajar kemahiran ini secara berasingan tidak digalakkan.






# PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Proses Pengajaran dan Pembelajaran sewajarnya berlangsung dalam suasana ceria dan berkesan dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Penggunaan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik bertujuan untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. ([Sila rujuk Lampiran 3, halaman 36](#))

Selain mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik, pengajaran dan pembelajaran sastera haruslah berpandukan prinsip pengajaran dan pembelajaran yang menegaskan pelibatan pelajar seperti yang diterakan dalam rajah berikut.



# KAJIAN TEKS

CONTOH OBJEKTIF KHUSUS PENGAJARAN/PEMBELAJARAN	ASPEK PENGAJARAN/PEMBELAJARAN
<p><b>1 PROSA TRADISIONAL</b></p> <p>Pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 membincangkan isi atau kandungan cereka klasik</li> <li>1.2 mengenal pasti dan menyusun urutan peristiwa dan episod</li> <li>1.3 menghubungkaitkan episod-episod mengikut dasar sebab dan akibat</li> <li>1.4 mengenal pasti gaya bahasa dan penggunaan bahasa secara tersurat dan tersirat</li> <li>1.5 mengenal pasti nilai-nilai, latar, pemikiran, budaya, sejarah dan cara kehidupan masyarakat lama yang mempengaruhi sastera prosa tradisional.</li> </ul>	<p><b>A Isi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cerita</li> <li>• Tema</li> <li>• Persoalan dan pengajaran</li> <li>• Latar</li> <li>• Pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu lama</li> </ul> <p><b>B Gaya bahasa dalam cerita klasik</b></p> <p><b>C Teknik Penulisan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur plot <ul style="list-style-type: none"> <li>- bahagian pengenalan</li> <li>- bahagian pertengahan</li> <li>- bahagian peleraian</li> </ul> </li> <li>• Unsur plot <ul style="list-style-type: none"> <li>- imbas muka</li> <li>- imbas kembali</li> <li>- ketegangan/suspens</li> <li>- konflik atau pertentangan</li> <li>- puncak cerita atau klimaks</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>2 PROSA MODEN (NOVEL DAN CERPEN)</b></p> <p>Pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1 membincangkan dan menghayati isi cerita karya sastera moden</li> <li>2.2 menerangkan tujuan dan sudut pandangan penulis dalam teks</li> <li>2.3 mengenal pasti struktur dan unsur-unsur plot karya sastera moden dengan memberikan penjelasan dan contoh-contoh yang relevan</li> <li>2.4 mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat dalam cereka moden</li> </ul>	<p><b>A Isi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cerita</li> <li>• Tema/Persoalan</li> <li>• Perutusan dan pengajaran</li> <li>• Latar</li> <li>• Peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai murni</li> <li>• Pemikiran dan kehidupan masyarakat</li> </ul> <p><b>B Gaya Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diksi</li> <li>• Ayat</li> <li>• Simile</li> <li>• Metafora</li> </ul>

CONTOH OBJEKTIF KHUSUS PENGAJARAN/PEMBELAJARAN	ASPEK PENGAJARAN/PEMBELAJARAN
<p>2.5 memberikan respons terhadap nilai, pemikiran dan perlakuan watak dalam sekitaran latar yang dibentuk oleh penulis</p> <p>2.6 menunjukkan sikap prihatin dan peka terhadap hal-hal kemanusiaan dan masalah sosial yang terdapat dalam teks.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Personafikasi</li> <li>• Hiperbola</li> <li>• Pengulangan</li> <li>• Perlambangan</li> </ul> <p><b>C Teknik Penulisan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur plot</li> <li>• Unsur plot: imbas muka, imbas kembali, ketegangan, konflik atau pertentangan, puncak cerita atau klimaks</li> <li>• Watak dan perwatakan</li> <li>• Dialog, monolog dan monolog dalaman</li> <li>• Sudut pandangan</li> </ul>
<p><b>3 DRAMA</b></p> <p>Pelajar dapat:</p> <p>3.1 mengemukakan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam drama</p> <p>3.2 mengenal pasti isi drama</p> <p>3.3 mengenal pasti struktur dan unsur-unsur plot drama</p> <p>3.4 mengenal pasti gaya bahasa dan teknik penulisan</p> <p>3.5 memberikan respons terhadap nilai, pemikiran dan tindak-tanduk watak dalam sekitaran latar yang dibentuk oleh penulis</p> <p>3.6 menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam drama</p> <p>3.7 mengenal penulis berdasarkan karya yang dihasilkan.</p>	<p><b>A Isi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cerita</li> <li>• Tema/Persoalan</li> <li>• Perutusan dan pengajaran</li> <li>• Latar</li> <li>• Peristiwa-peristiwa dan bahagian yang mengandungi unsur dan nilai murni</li> </ul> <p><b>B Gaya Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diksi</li> <li>• Dialog</li> <li>• Monolog</li> </ul> <p><b>C Teknik Penulisan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur plot</li> <li>• Unsur plot : imbas muka, imbas kembali, ketegangan, konflik atau pertentangan, puncak cerita atau klimaks</li> <li>• Watak dan perwatakan</li> <li>• Adegan</li> <li>• Episod</li> </ul>

CONTOH OBJEKTIF KHUSUS PENGAJARAN/PEMBELAJARAN		ASPEK PENGAJARAN/PEMBELAJARAN
<p><b>4 PUISI</b></p> <p>Pelajar dapat:</p> <p>4.1 mentafsirkan isi puisi</p> <p>4.2 mengemukakan maksud</p> <p>4.3 mengenal bentuk serta keindahan gaya bahasa puisi</p> <p>4.4 membaca puisi dengan penghayatan</p> <p>4.5 mengenal penyair melalui puisi mereka</p> <p>4.6 mengenal puisi yang bermutu.</p>	<p><b>A Isi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tema dan persoalan</li> <li>● Maksud</li> <li>● Perutusan dan pengajaran</li> <li>● Latar</li> <li>● Bahagian-bahagian yang mengandungi unsur dan nilai murni</li> <li>● Pemikiran penulis</li> </ul> <p><b>B Gaya Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Diksi</li> <li>● Unsur bunyi: rima, aliterasi, asonansi dan rentak</li> <li>● Simile</li> <li>● Metafora</li> <li>● Personifikasi</li> <li>● Hiperbola</li> <li>● Pengulangan</li> <li>● Perlambangan Inversi</li> <li>● Nada</li> </ul> <p><b>C Teknik Penulisan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jenis: pujaan, keagamaan, elegi, epigram, satira, percintaan, balada</li> <li>● Bentuk: suku kata, kata, baris, rangkap, visual dan skema, rima.</li> </ul>	

# PENILAIAN

Aspek penilaian penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian menentukan sejauh mana matlamat dan objektif pengajaran kesusasteraan ini tercapai. Maka alat ukur atau penilaian hendaklah ditentukan berdasarkan matlamat sukanan. Dengan kata lain, penilaian mestilah mencerminkan matlamat Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Penilaian membantu guru dalam beberapa aspek. Melalui penilaian, guru dapat mengetahui keberkesanan pengajaran dan dapat membuat penyesuaian jika perlu. Selain itu, guru juga dapat memastikan adanya perkaitan antara pengajaran dengan pembelajaran. Penilaian juga menjadi asas bagi guru untuk membuat laporan kemajuan pelajar serta menganjurkan program pemulihan dan pengayaan sesuai dengan kebolehan pelajar.


Dari perspektif pelajar pula, penilaian membantu mereka menilai sejauh mana pemahaman mereka tentang apa yang diajar. Penilaian juga menjadi asas bagi pelajar mengetahui keupayaan dan kelemahan mereka, dan membolehkan mereka mengambil tindakan susulan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu.

## JENIS-JENIS PENILAIAN

Penilaian terdiri daripada tiga jenis, iaitu penilaian diagnostik, penilaian formatif (Penilaian untuk Pembelajaran) dan penilaian sumatif (Penilaian Pembelajaran). Kedua-dua jenis penilaian ini boleh dijalankan secara formal dan tidak formal. Penilaian perlu untuk memperoleh gambaran atau profil yang lengkap mengenai tahap keupayaan pelajar dalam pelajaran sastera dan meninjau keberkesanan pengajaran guru.

(Sila rujuk Lampiran 4, halaman 53 )

Gabungan penilaian formatif dan sumatif diterangkan dalam rajah berikut.



Dalam menjalankan penilaian formatif, guru digalakkan menguji pelajar dalam pelbagai kaedah penilaian, contohnya projek, persembahan, portfolio, interview, lelaman web dan sebagainya, secara individu, berpasangan atau kumpulan. Penilaian yang dijalankan merangkumi teks prosa, puisi dan drama yang ditetapkan dan teks bebas.

Penilaian sumatif yang dijalankan pada akhir pembelajaran juga merangkumi teks prosa, puisi dan drama yang dipelajari serta satu bahagian teks bebas.

## OBJEKTIF PENILAIAN (Formatif dan Sumatif)

Pelajar boleh:

- mengenal pasti isi teks kesusasteraan berdasarkan aspek-aspek pembelajaran kesusasteraan yang dipelajari seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan
- mengenal pasti teknik penulisan, gaya bahasa penulis dan keberkesanannya
- membuat interpretasi dan menyatakan respons peribadi terhadap teks
- menunjukkan pemahaman tentang teks, baik yang tersurat maupun yang tersirat
- memilih, menyusun dan mengaplikasikan aspek sastera yang telah dipelajari
- memahami dan memetik maklumat yang relevan untuk menyokong hujah
- menganalisis dan menilai maklumat atau bukti.

Objektif ini berkaitan antara satu sama lain, maka tidak boleh diuji secara berasingan.

## CIRI-CIRI UJIAN DAN PENILAIAN YANG BAIK

Ujian dan penilaian yang baik mempunyai ciri-ciri berikut:

- **Kesahan**

Kesahan merujuk kepada takat sesuatu ujian dapat memenuhi tujuannya. Dengan kata lain, butiran-butiran ujian itu benar-benar mengukur perkara-perkara yang hendak diukur dan bukan perkara lain. Sesuatu ujian mempunyai kesahan isi jika sampel yang mewakili kandungan sukatan pelajaran dan matlamat-matlamat baik. Ini bererti ujian *Kesusasteraan Melayu* harus bertujuan untuk menilai kecekapan analisis pelajar terhadap teks sastera yang digunakan tanpa terhad kepada soalan-soalan aras kefahaman semata-mata.

- **Kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan merupakan ciri ujian yang merujuk kepada ketekalan. Ujian yang boleh dipercayai seharusnya mencerminkan keupayaan sebenar para pelajar dengan tepat dan tekal. Ketekalan dan ketepatan ini akan tercapai seandainya soalan-soalan ujian itu digredkan dengan baik sehingga kuasa diskriminasi ujian itu dapat dicapai.

- **Keobjektifan**

Keobjektifan sesuatu kertas ujian dilihat dari dua sudut, iaitu penafsiran terhadap soalan-soalan dan pemberian markah bagi jawapan para pelajar. Jika soalan-soalan ujian itu jelas dan tepat, sesiapa sahaja yang membacanya akan memberikan tafsiran yang sama. Begitu juga bahan-bahan ujian dan pemberian markah tidak bersifat berat sebelah terhadap unsur-unsur seperti jantina, kaum, paras, latar belakang sosio-ekonomi dan sebagainya. Jika hal-hal tersebut dapat dicapai maka kertas ujian itu dianggap mempunyai ciri keobjektifan.

- **Kebolehtadbiran**

Kebolehtadbiran merujuk kepada kelicinan pentadbiran sesuatu ujian dan juga pelaksanaan kegiatan-kegiatan susulannya. Kebolehtadbiran meliputi faktor kos, seperti masa, tenaga dan wang. Guru perlu memastikan bahawa ujian yang akan dijalankan tidak menggunakan masa, tenaga dan perbelanjaan yang berlebihan.



- **Positif dan Konstruktif**

Ujian ini dapat mengenal pasti kebolehan, kelemahan, keperluan, minat, bakat, sikap serta usaha pelajar secara sistematis. Ujian ini juga menyediakan kegiatan susulan yang praktikal dan segera bagi para pelajar.

- **Berkesan**

Keberkesanan ujian bergantung pada sama ada kriteria pemarkahan dan tahap pencapaiannya dinyatakan dengan jelas. Ini menjadikan penilaian tersebut lebih tepat dan tekal memandangkan sifat subjektif yang sememangnya wujud dalam penilaian bahasa.

# HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI

Pada akhir pembelajaran, pelajar:

- sudah membaca karya-karya daripada ketiga-tiga genre kesusasteraan, iaitu puisi, prosa dan drama
- sudah membaca karya-karya sastera Melayu Singapura dan Nusantara
- boleh membaca teks sastera secara sendirian
- boleh menganalisis teks secara kritis dan mengenal karya yang bermutu
- boleh memberikan respons peribadi terhadap teks dan perkara-perkara yang dikemukakan dalam teks
- dapat mengaplikasikan kemahiran menilai, menghayati dan menghargai kesusasteraan kepada bahan-bahan sastera yang lain
- dapat menerapkan nilai-nilai yang positif dalam kehidupan
- dapat memupuk keperibadian yang seimbang
- dapat memupuk minat dan bakat dalam bidang kesusasteraan.

# Merancang Program Sastera

Ketika merancang program sastera, guru perlu mengambil kira dua perkara, iaitu **objektif** dan **prinsip** Sukatan Pelajaran Kesusasteraan.

Perancangan dibuat untuk jangka masa dua tahun. Dalam perancangan tersebut, perkara berikut perlu diambil kira:

### Pendekatan Merancang Program

Guru harus menentukan pendekatan yang hendak digunakan, sama ada pendekatan berdasarkan genre atau pendekatan berdasarkan teks.

Penentuan pendekatan ini berdasarkan objektif dan pengetahuan guru tentang keperluan, minat dan keupayaan pelajar.

### Pemilihan Teks

Teks yang dipilih merangkumi tiga genre: prosa, puisi dan drama. Teks yang dipilih juga menggambarkan pelbagai gaya penulisan, zaman, budaya, isu kemanusiaan dan aspek pembelajaran. Selain itu, tahap kematangan dan minat membaca pelajar juga harus diambil kira. (Untuk peperiksaan peringkat nasional, senarai teks yang ditetapkan terdapat dalam Sukatan Peperiksaan.)

### Jangka Masa

Jangka masa yang ditetapkan perlulah realistik dan fleksibel untuk memberi guru /pelajar peluang membuat pengubahsuaian.

### Bahan Sumber

Guru harus menggunakan pelbagai sumber pengajaran untuk memperkaya Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan dan menjadikannya lebih menarik. Antaranya termasuklah penggunaan bahan multimedia, forum, seminar, bengkel dan bahan rujukan lain.

### Penerapan

Guru harus memberikan peluang untuk menerapkan Pendidikan Nasional dalam pengajaran yang mungkin timbul daripada teks atau mengaitkannya dengan teks yang dipelajari. Isu tersebut harus dinyatakan dalam objektif pelajaran. Kemahiran Berfikir dan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang hendak ditekankan juga boleh dinyatakan dalam objektif pelajaran.

## Objektif Pelajaran

Objektif setiap pelajaran perlu ditentukan. Objektif perlu menyatakan kemahiran kesusasteraan dan aspek pembelajaran yang hendak diajar dalam sesuatu pelajaran. Kesemua aspek pembelajaran dan kemahiran yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran perlu diajarkan dalam jangka masa dua tahun.

## Strategi dan Aktiviti

Guru perlu memastikan aktiviti/tugas yang diberikan sesuai dengan objektif pelajaran. Strategi dan aktiviti pengajaran harus dapat:

- merangsang minat pelajar terhadap teks yang dipelajari;
- memberikan pengetahuan latar tentang teks kepada pelajar;
- memberikan peluang kepada pelajar berinteraksi, berbincang dan memberikan respons;
- menyediakan kegiatan yang kreatif dan membolehkan pelajar menghayati teks; dan
- memberikan peluang untuk pelajar melakukan pelbagai kegiatan seperti penyampaian lisan, lakonan, penulisan kreatif dan aktiviti pengayaan lain yang sesuai.

## Penilaian

Penilaian yang disediakan perlu seimbang antara penilaian tidak formal dan penilaian formal. Untuk penilaian formal, guru harus memastikan bahawa kesemua aspek pembelajaran dan jenis soalan, iaitu yang berdasarkan teks yang dipelajari dan teks bebas, telah diajarkan kepada pelajar dalam masa dua tahun. Bagi penilaian tidak formal pula, guru perlu menyediakan tugas yang mencabar dan kreatif serta menguji perkara berikut secara bertahap-tahap:

- perkembangan pelajar dari segi pemahaman dan penghayatan; dan
- aplikasi kemahiran kesusasteraan yang telah diajarkan.

## Pemantauan dan Penilaian

Guru harus memantau dan menilai Program Sastera dengan mengambil kira hasil pembelajaran yang diingini yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan. Aspek yang boleh dipantau seperti yang berikut:

- pendekatan pengajaran; dan
- perkembangan kemahiran dalam mengapresiasi dan menilai bahan sastera.



# Pendekatan Merancang Program Sastera

## Pendekatan Berdasarkan Genre

Pelajar mempelajari teks sastera menurut genre, iaitu prosa (cerpen dan novel), puisi dan drama. Dengan yang demikian, pelajar terdorong membaca banyak teks sastera dalam genre yang ditentukan.

Pendekatan ini memudahkan proses menganalisis sastera kerana kriteria yang sama dapat digunakan untuk semua teks sastera dalam genre ini. Pendekatan ini juga boleh digunakan untuk teks bebas. Contohnya jika genre yang ditentukan ialah cerpen, guru boleh memilih cerpen lain untuk teks bebas selain cerpen yang ditetapkan.

Untuk merancang pendekatan ini, beberapa perkara perlu diperhatikan.

1 Pemilihan genre:

Tentukan genre yang hendak diajarkan dalam jangka masa program ini.

2 Pemilihan teks:

Pilih teks (termasuk teks bebas) yang merangkumi genre yang perlu dipelajari, iaitu prosa (cerpen dan novel), puisi dan drama untuk dipelajari dalam jangka masa satu hingga dua tahun.

3 Jangka masa:

Tentukan peruntukan jangka masa yang sesuai untuk mengajar setiap genre. Contohnya, sesuatu genre boleh diajarkan dalam jangka masa empat penggal atau sebagai alternatif, satu genre diajarkan dalam dua penggal dan satu lagi dalam dua penggal berikutnya. Genre yang diajar pada tahun pertama boleh diulang semula pada tahun kedua sebagai pengukuhan.

4 Aspek pembelajaran dan kemahiran:

Tentukan aspek pembelajaran dan kemahiran kesusasteraan yang hendak diajarkan. Tekankan ciri-ciri penting sesuatu genre serta kenalkan istilah-istilah yang berkaitan dengan genre tersebut.

Di bawah ini ialah contoh program yang menggunakan pendekatan berdasarkan genre untuk jangka masa dua tahun.

Tahun	Penggal	Genre	Bahan teks bebas
Pertama	1	Pengenalan Kesusasteraan	Bahan teks bebas berfokus pada pelbagai aspek pembelajaran
	2	Prosa (cerpen) dan Puisi	
	3	Drama	
	4	Kaji semula: Prosa (cerpen), puisi dan drama	
Kedua	1	Prosa (novel)	
	2	Prosa (cerpen) dan/atau Puisi	
	3	Drama	
	4	Kaji semula: semua genre	

## Pendekatan Berdasarkan Teks

Pendekatan ini membolehkan pelajar mempelajari satu-satu teks tertentu dalam jangka waktu yang ditetapkan. Dengan pendekatan ini pelajar berpeluang membaca dan meneliti teks. Pelbagai aktiviti perlu dirancang bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran teks tersebut.

Guru tidak harus menggunakan masa terlalu lama bagi satu-satu teks untuk mengelakkan kebosanan. Bahan teks bebas digunakan bagi mempelajari aspek yang berkaitan seperti watak dan perwatakan dan sudut pandangan.

Beberapa perkara penting perlu diperhatikan dalam merancang pendekatan ini.

1 Pemilihan teks:

Pilih teks kesusasteraan yang hendak diajarkan. Teks yang dipilih haruslah yang menarik minat pelajar dan merangkumi kesemua genre.

2 Jangka masa:

Tentukan peruntukan masa yang diperlukan untuk mengajar setiap teks. Contohnya, jika terdapat tiga atau empat teks yang hendak diajarkan dalam jangka masa setahun, satu teks boleh diajarkan dalam masa satu penggal dan seterusnya.

3 Aspek pembelajaran dan kemahiran:

Tentukan aspek pembelajaran dan kemahiran yang hendak diajarkan berdasarkan teks yang digunakan.

Contoh program yang menggunakan pendekatan berdasarkan buku/teks.

Tahun	Penggal	Buku/Teks	Bahan teks bebas
Pertama	1	Pengenalan Kesusasteraan	Bahan teks bebas berfokus pada pelbagai aspek pembelajaran
	2	Buku A: Prosa tradisional, drama dan puisi	
	3	Buku B: Prosa (novel)	
	4	Buku A: Prosa (cerpen), puisi dan drama	
Kedua	1	Buku C: Prosa tradisional drama dan puisi	
	2	Buku C: Prosa (cerpen) dan/atau puisi/drama	
	3	Kaji semula: semua genre	
	4		

# Unsur Sastera

Unsur-unsur sastera merupakan perkara yang penting diketahui dan difahami secara mendalam. Pengetahuan ini dapat membantu keupayaan pelajar untuk mencerakinkan sesebuah karya sastera.

## Unsur-Unsur Cereka dan Puisi

### 1 Tema

Tema ialah satu gagasan penyatuan. Tema juga merupakan persoalan pokok yang mendasari sesebuah karya sastera. Tema boleh disampaikan secara eksplisit atau implisit.

Ciri tema:

- pengalaman harian/istimewa yang dialami oleh pengarang
- dipaparkan dengan lebih berkesan apabila adunan elemen-elemen strukturnya yang lain seperti plot dan perwatakan dibuat secara rapi
- selalunya hanya terdapat satu tema sahaja dalam sesebuah cereka.

### 2 Perutusan

Perutusan ialah mesej atau amanat yang disampaikan oleh penulis berdasarkan tema sesebuah karya itu.

Ciri perutusan:

- bersifat pelbagai
- menyokong keunggulan plot dan tema
- dapat dipastikan dengan menganalisis pengalaman dan sikap watak serta peristiwa
- perutusan boleh berbentuk eksplisit atau implisit.

### 3 Persoalan

Persoalan merupakan isu atau perkara yang diketengahkan oleh penulis dalam sebuah karya sastera. Persoalan mencakup sebarang hal yang meliputi kehidupan, masyarakat, dan sekitaran bagi mengetengahkan perutusan yang ingin disampaikan oleh penulis.

### 4 Pengajaran

Pengajaran ialah nasihat dan unsur-unsur moral yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca melalui hasil penulisannya. Pengajaran sering disisip dan diserahkan melalui persoalan dan perutusan yang diketengahkan oleh penulis. Pengajaran boleh dikemukakan oleh penulis secara langsung dan tidak langsung.

### 5 Plot

Plot ialah penceritaan peristiwa-peristiwa yang berdasarkan sebab dan akibat. Plot selalu menekankan pada persoalan ‘mengapa’.

Dua aspek yang penting untuk difahami dalam plot ialah struktur dan unsur-unsur plot.

Struktur plot:

- Pengenalan/eksposisi

Pengenalan selalunya terdapat pada permulaan sebuah cerita. Pada bahagian ini, latar masa dan tempat serta watak akan diperkenalkan kepada pembaca. Pengarang akan mengemukakan konflik-konflik yang dihadapi oleh watak-watak terutama watak utama.

- Pertengahan

Peristiwa dan **konflik** berkembang membawa kepada peringkat kedua, iaitu pertengahan cerita yang dikenal sebagai komplikasi. Pada peringkat ini, konflik menjadi semakin rumit. Apabila konflik tiba kepada puncaknya, keadaan ini dinamakan sebagai **klimaks**.

Klimaks atau puncak cerita merupakan saat-saat yang paling tegang dalam sebuah cerita. Darjah ketegangannya adalah yang tertinggi akibat konflik-konflik yang tidak terurai dan menjadi rumit.

- Bahagian peleraian/pengakhiran

Dalam bahagian ini pengarang akan membuat berbagai-bagai huraihan. Kadangkala bahagian ini juga disebut sebagai antiklimaks. Namun, ada juga cerita yang diakhiri dengan kejutan atau klimaks.

#### Unsur-unsur plot:

- Kronologi/urutan

Cerita dikisahkan mengikut urutan atau susunan masa; mengikut tertib dari mula berlaku sampai akhir cerita.

- Imbas kembali

Unsur ini merupakan kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa masa silam yang diisikan dalam bahagian-bahagian cerita. Unsur ini boleh dikemukakan dalam penceritaan ataupun melalui ingatan watak.

- Imbas muka

Merupakan gambaran atau bayangan tentang sesuatu yang akan berlaku. Unsur ini digunakan untuk menyediakan pembaca dengan pengetahuan awal tentang apa yang akan berlaku seterusnya.

- Suspensi/Ketegangan

Ketegangan adalah unsur yang berlaku hasil daripada konflik yang ditimbulkan oleh watak-watak. Suspensi merupakan keadaan ragu-ragu dan tertanya-tanya dengan tiada tentu keputusannya. Unsur ini sering ditimbulkan di bahagian eksposisi, bahagian pertengahan dan hampir di bahagian akhir cerita.

- Konflik

Unsur ini menunjukkan pertentangan yang berlaku antara dua pihak. Konflik boleh bersifat luaran seperti pertentangan antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan tuhan. Unsur ini boleh juga bersifat dalaman seperti pertentangan yang berlaku dalam jiwa seseorang itu.



- Klimaks/Puncak

Kilmaks ialah puncak cerita. Pada tahap ini, konflik yang dialami oleh watak penting yang dipaparkan oleh penulis, berada pada takat yang paling tegang.


- Kebetulan

Unsur kebetulan merupakan sesuatu perkara yang berlaku dalam keadaan yang tidak disangka-sangka dan boleh membawa perubahan atau penentuan penting kepada nasib watak.

- Kejutan

Unsur ini bermaksud peleraian terhadap sesuatu peristiwa, kejadian, klimaks atau konflik yang bertentangan ataupun di luar dugaan pembaca.

Rajah berikut menggambarkan alur cerita/plot:



## Watak dan Perwatakan

Watak ialah tokoh atau pelaku yang terdapat dalam sesebuah cerita. Watak boleh berupa manusia, binatang, unsur alam dan lain-lain. Watak diberi sifat-sifat tertentu oleh penulis termasuk sikap, perasaan dan pemikirannya serta dikenali melalui pemikiran, ujaran dan tindakannya.

Jenis-jenis watak:

- Watak bundar

Watak bundar atau watak tiga dimensi mempunyai sifat-sifat tertentu seperti manusia biasa yang mempunyai unsur-unsur fizikal, unsur-unsur psikologi dan unsur-unsur kemasyarakatan. Watak bundar ini lebih meyakinkan kerana mempunyai kekuatan dan kelemahan dalam dirinya. Watak ini juga mempunyai kombinasi sifat-sifat universal dan peribadi. Sifat-sifat yang terdapat dalam dirinya membezakan diri watak dengan watak yang lain.

- Watak pipih

Watak ini dikenali sebagai watak dua dimensi. Dalam watak ini, hanya satu sifat yang tertentu sahaja yang dipaparkan, yakni sama ada baik atau jahat. Watak ini tidak menggambarkan sikap manusia biasa.

- Watak dinamik

Watak yang berubah atau berkembang dari segi aksi atau psikologi akibat peristiwa-peristiwa yang dilalui.

- Watak statik

Watak ini tidak mengalami perubahan dari segi sikap, pemikiran, emosi dan pegangan hidup dari mula hingga akhir cerita.

Perwatakan pula ialah cara penggambaran watak dalam sesebuah karya sastera. Penulis boleh menggunakan pelbagai cara untuk menggambarkan sesuatu watak:

- penerangan secara langsung atau deskriptif
- menggambarkan watak melalui sikap dan tindakannya
- memberikan gambaran watak melalui fikiran dan perasaannya
- menggambarkan watak melalui pandangan dan penilaian watak lain.



## 7 Latar

Latar ialah unsur yang membentuk ruang perkembangan sesebuah cerita. Unsur-unsur ini termasuklah ruang tempat, ruang masa, benda dan peralatan, masyarakat dan fenomena kehidupan.

Jenis-jenis latar:

- Latar tempat

Latar yang menunjukkan di mana cerita itu terjadi. Latar ini boleh merangkumi batas negeri, bandar, kapal, hutan, ruang angkasa dan sebagainya.

- Latar masa

Latar ini menunjukkan waktu sesuatu peristiwa itu berlaku misalnya selepas Subuh atau pukul enam dan sebagainya. Latar ini juga menunjukkan lamanya waktu alur cerita itu.

- Latar zaman

Latar ini memaparkan zaman cerita itu berlaku. Contohnya mungkin sesuatu kejadian berlaku semasa Perang Dunia Kedua atau Zaman Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka.

- Latar masyarakat

Latar ini memberikan gambaran tentang keadaan atau sifat masyarakat di dalam cereka itu. Ini termasuk cara kehidupan masyarakat itu, cara mereka bekerja, berfikir berkomunikasi antara satu sama lain.

## 8 Bahasa

Unsur-unsur bahasa dalam cereka:

- Ayat

### Ayat pendek

Ayat pendek yang digunakan dalam cereka memberikan kepadatan dari segi bahasa dan isi tentang perkara yang ingin disampaikan. Unsur bahasa ini boleh melahirkan nada yang pantas dan menarik pembaca untuk menghayati karya tersebut.

### Ayat kompleks

Ayat kompleks selalunya memberikan tempo yang perlahan di dalam perkembangan sesebuah cerita.

- Unsur bahasa perbandingan

#### Simile

Perumpamaan yang mengungkapkan kata-kata perbandingan atau persamaan dengan sesuatu. Lazimnya simile menggunakan perkataan seperti, bak, bagi dan lain-lain.

#### Metafora

Penggunaan kata-kata yang menyatakan lain daripada maksud yang tersurat.

#### Hiperbola

Perbandingan yang dibuat secara berlebih-lebihan atau melampau.

#### Personifikasi/Perorangan

Perbandingan yang memberikan sifat-sifat manusia kepada objek-objek yang tidak bernyawa.

- Bahasa asing dan daerah

Bahasa asing yang sering digunakan dalam teks yang dikaji ialah bahasa Inggeris. Selain itu terdapat juga penggunaan bahasa Arab. Bahasa daerah merujuk kepada istilah yang khusus digunakan di suatu daerah atau negeri.

- Unsur sinis, mengejek, sindiran dan sarkasme

Kata-kata yang digunakan secara langsung ataupun tidak dengan tujuan mengejek dan menyindir.

- Inversi

Merujuk kepada pembalikan kata yang memperlihatkan penyimpangan tatabahasa yang lazim digunakan.

Contoh:

Dengan keringat lelah  
telah kubelah  
resah malam ke ujung pagi

(Di Penjurur Matamu, halaman 21)



Untuk pencerakinan puisi, unsur-unsur irama dan rima juga harus diberikan perhatian.

9 Irama

Merujuk kepada lembut atau kerasnya bunyi yang berulang secara teratur. Juga dikenali sebagai nada yang berkaitan dengan perasaan penulis. Contohnya irama yang lembut dan perlahan membawa nada melankolik. Irama yang keras, pantas dan tinggi membawa nada patriotik, sinis, protes dan lain-lain.

10 Rima

Rima ialah pengulangan atau pertentangan bunyi yang sama yang terdapat dalam baris puisi yang berhampiran. Bunyi yang berima selalunya mempunyai nada tertentu mungkin tinggi atau rendah. Terdapat dua jenis rima yang sering digunakan.

- Asonansi

Merujuk kepada bunyi vokal dalam baris, biasanya pada awal perkataan yang berurutan.

- Aliterasi

Ulangan bunyi konsonan yang biasanya berlaku pada awal perkataan yang berurutan.

11 Sudut Pandangan

Teknik ini merujuk kepada cara pengarang mempersempahkan bahan-bahan cerita atau kedudukan pandangan pengarang dalam menggambarkan aksi sesebuah cerita.

Jenis-jenis sudut pandangan

- Serba tahu lidah pengarang

Sudut pandangan ini memperlihatkan pengarang sebagai mengetahui segala-galanya tanpa batas dari segi masa, tempat atau watak. Pengarang bergerak bebas dalam membuat ulasan. Menurut Friedman, sudut pandangan ini cenderung ke arah pemberitaan.



- Serba tahu bebas

Dalam sudut pandangan serba tahu bebas, penulis bersuara secara impersonal melalui ganti nama orang ketiga. Bagaimana pun penulis masih bebas mengutarakan suaranya.

- ‘Aku’ sebagai pemerhati

Sudut pandangan ini menunjukkan keobjektifan pengisahan kerana penulis memberikan tugas bercerita kepada orang lain, iaitu kepada satu watak yang kurang penting yang menggunakan ganti nama ‘aku’. Suara penulis tidak lagi dilahirkan secara bebas. Sebaliknya watak ‘aku’ tadi akan bercerita kepada pembaca tentang segala apa yang diketahuinya dalam konteks cerita yang dirancang oleh penulis. ‘Aku’ mungkin dan boleh berbual dengan watak-watak lain termasuk protagonis untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan sesuatu peristiwa. Pandangan pemerhati ini terbatas pada dirinya dan dia boleh menjangka/meneka fikiran seseorang. Sudut pandangan ini selalunya diketengahkan secara langsung seperti yang dilihat oleh pemerhati.

- ‘Aku’ sebagai protagonis

Sudut pandangan yang menggunakan teknik ini bergantung hanya pada fikiran, perasaan dan persepsi watak protagonisnya sahaja yang menggunakan ganti nama ‘aku’.

- Serba tahu keserbaragaman terbatas

Melalui teknik ini, suara penulis ditiadakan sama sekali kerana ceritanya bergerak secara langsung melalui fikiran watak-watak. Maka terdapat kecenderungan untuk mengemukakan babak-babak yang bersifat dalaman (fikiran) atau luaran (ucapan dan aksi)

- Serba tahu terbatas

Teknik ini sama dengan sudut pandangan orang ketiga terbatas. Sudut pandangan hanya diarahkan oleh seorang watak sahaja.



## 12 Bentuk Isi Sajak

Bentuk isi atau ragam di dalam sajak merujuk kepada perkara yang hendak disampaikan oleh penyair kepada pembaca yang sekali gus memancarkan fikiran dan perasaan penyair. Di dalam penganalisaan sajak, terdapat tujuh jenis isi sajak:

- Oda/Pujaan

Sajak yang mengandungi isi yang memuja alam atau manusia.

- Keagamaan

Sajak yang bertemakan agama dan seringkali memuja kebesaran tuhan.

- Elegi

Sajak yang membawa persoalan kesedihan atau ratapan dan selalunya berkaitan dengan kematian, percintaan atau perperangan.

- Epigram

Sajak yang memberikan pengajaran, peringatan dan panduan hidup.

- Satira

Sajak yang bersifat sindiran tajam terhadap sesuatu perkara, keadaan atau seseorang.

- Roman/Percintaan

Sajak yang bertemakan percintaan, kasih sayang terutama sesama manusia.

- Balada

Mengandungi sesebuah cerita atau kisah yang dramatik tentang sesuatu peristiwa yang selalunya bernada sedih.

# Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam pengajaran sastera, guru perlu menggunakan pelbagai strategi untuk membolehkan pelajar berasa seronok dan dapat menghayati teks. Guru perlu mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran sesuai dengan aktiviti dan genre teks yang dipelajari.

Antara pendekatan yang digunakan termasuklah pendekatan struktural, pendekatan mengalami-menghayati dan pendekatan berfokus. Guru harus dapat menentukan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Berikut diberikan penerangan tentang beberapa pendekatan, kaedah dan teknik yang boleh digunakan.

## 1 Pendekatan

Antara pendekatan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang disarankan adalah seperti yang berikut:

### 1.1 Pendekatan Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Kesusasteraan Melayu mesti berpusatkan pelajar bagi membolehkan pelajar menguasai aspek sastera melalui pembacaan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti. Pengajaran ini menggalakkan interaksi dua hala, mendorong penglibatan pelajar secara aktif dan menyeluruh serta mementingkan pembelajaran akses kendiri. Guru berperanan sebagai pembimbing untuk melahirkan pelajar yang bermotivasi tinggi dan berdaya asing.

### 1.2 Pendekatan Mengalami-Menghayati

Pendekatan mengalami-menghayati ialah pendekatan pengajaran yang memerlukan penghayatan pelajar sendiri melalui pengalaman, perenungan dan penganalisisan. Pendekatan ini menekankan kajian teks berdasarkan penghayatan pelajar tentang teks sastera yang dibaca dan kemudian cuba dikaitkan dengan pengalaman dan pandangan diri sendiri. Kaedah ini boleh digunakan bersama dengan pendekatan analisis struktural apabila pelajar telah memahami isi cereka atau maksud puisi.

Dalam konteks latihan pula, tugas yang diberikan kepada pelajar selalunya tertumpu kepada penghayatan pelajar terhadap sesuatu peristiwa, episod dan watak. Oleh itu, pendekatan ini boleh menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif.

Beberapa ciri Pendekatan Mengalami-Menghayati adalah seperti yang berikut:

- pelajar mengaitkan pengalamannya dengan isi karya yang dikaji
- pelajar terlebih dahulu memahami isi cerita atau maksud puisi
- setelah pelajar memahami isi karya, pelajar mengkaji secara terperinci aspek-aspek struktur sesebuah karya secara individu atau berkumpulan
- pelajar memberikan pendapat dan menilai aspek-aspek struktur yang tertentu dalam sesebuah karya sastera
- guru memberikan latihan yang menekankan analisis pengalaman pelajar sendiri
- guru mengemukakan soalan yang mencabar daya intelek pelajar aktiviti yang dirancang harus dapat melatih pelajar berfikir secara kritis dan analitis.

### 1.3 Pendekatan Struktural

Pendekatan ini menegaskan pencerakinan karya sastera dari sudut pembinaan atau struktur karya. Aspek yang dikaji meliputi tema, persoalan, perutusan, pengajaran, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan. Guru perlu membantu pelajar memahami gagasan-gagasan yang dinyatakan sebelum kajian teks dilakukan di bilik darjah. Kesimpulannya, pendekatan struktural ialah pendekatan yang menekankan analisis karya sastera dari sudut pembinaan atau struktur karya.

Beberapa ciri Pendekatan Struktural adalah seperti yang berikut:

- kajian dibuat secara induktif
- memerlukan pembacaan yang rapi
- menekankan pemahaman pelajar terhadap setiap elemen sesebuah karya sastera
- setiap unsur memerlukan penjelasan secara terperinci
- menitikberatkan pemahaman istilah sastera, makna istilah berkenaan dan contoh penggunaan istilah berkenaan
- guru mengetahui terlebih dahulu hubungan dalam struktur karya yang dikaji
- guru membimbing pelajar ke arah hasil pembelajaran khusus
- guru menggunakan bahan bantu mengajar yang berkesan.

#### 1.4 Pendekatan Berfokus

Pendekatan berfokus merupakan pendekatan kajian yang memberikan tumpuan pada sesuatu aspek sastera semasa pelajar mencerakin teks sastera. Namun begitu, selalunya ada juga unsur-unsur sampingan lain yang menjadi fokus kajian. Kajian yang dilakukan berdasarkan pendekatan ini boleh menghasilkan pencerakinan yang kemas kerana adanya pemilihan fokus pada aspek yang dibincangkan. Pembacaan yang dilakukan oleh pelajar juga akan menjadi lebih bermakna kerana mereka boleh meneliti hal-hal yang tersirat dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang tersurat sahaja.

Dengan ini, jelaslah bahawa pendekatan berfokus ialah pendekatan pengajaran yang menekankan sesuatu aspek yang tertentu dalam sesebuah karya sastera bagi setiap pengajaran dan pembelajaran di samping menyentuh aspek-aspek lain secara sampingan.

Beberapa ciri Pendekatan Berfokus adalah seperti yang berikut:

- kajian bermula dan berdasarkan aspek yang paling menonjol dalam sesebuah karya sastera
  - aspek yang paling menonjol menjadi Fokus Utama
  - perkara atau aspek lain yang kurang menonjol menjadi Fokus Sampingan
- Fokus Utama (FU) dan Fokus Sampingan (FS) saling berkaitan dan boleh bertukar ganti. Misalnya, dalam satu pelajaran, watak menjadi FU dan bahasa FS. Pada pelajaran lainnya bahasa menjadi FU dan watak FS.

## 2 Kaedah

Kaedah ialah satu perancangan bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Antara kaedah pengajaran Kesusasteraan Melayu termasuklah:

### 2.1 Kaedah Membaca Teks dan Pemahaman

Pelajar membaca teks atau cerita sambil mereka cuba memahami sendiri isi tersurat atau tersirat. Pelajar mengenal pasti aspek-aspek teknik dalam cerita.



## **2.2 Kaedah Membaca dan Melakonkan Adegan**

Pelajar menghafal dialog tertentu daripada teks atau drama. Kemudian, pelajar dikehendaki melakonkan adegan-adegan berdasarkan tafsiran mereka terhadap teks atau cerita yang dibaca atau dihafal oleh pelajar.

## **2.3 Kaedah Mendengar Pita Rakaman**

Pelajar mendengar dialog, pembacaan dan penjelasan daripada pita rakaman yang disediakan oleh guru.

## **2.4 Kaedah Menonton Lakonan Pentas**

Sebahagian daripada pelajar di dalam kelas melakonkan adegan tertentu daripada teks atau cerita. Pelajar yang lain dikehendaki menjadi penonton sambil memerhatikan aspek-aspek seperti lakonan, watak dan latar untuk dibincangkan kemudian. Kaedah ini boleh dijalankan di bilik darjah atau di tempat lain yang sesuai.

## **2.5 Kaedah Seminar**

Beberapa orang pelajar membentangkan pandangan mereka sendiri tentang isi cerita/teks yang dikaji. Guru menyediakan tajuk dan objektif terlebih dahulu sebelum memulakan seminar. Guru bertindak sebagai pemerhati dan campur tangan jika perlu sahaja.

## **2.6 Kaedah Menggunakan Kemahiran Berfikir**

Pelajar dilatih menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman tentang sesuatu perkara, meneroka pelbagai kemungkinan idea, membuat keputusan, membuat refleksi dan menyelesaikan masalah.

Guru menggalakkan penggunaan bahan rujukan. Seterusnya, guru boleh menjalankan aktiviti-aktiviti seperti membuat projek, menggunakan lembaran kerja, pembelajaran secara bekerjasama, perbincangan, sumbang saran dan teknik penyoalan.

## **2.7 Kaedah Forum**

Tajuk ditentukan terlebih dahulu oleh guru. Tajuk tersebut mestilah yang berkaitan dengan isi pelajaran teks atau cerita. Beberapa orang pelajar diminta untuk menjadi ahli panel dan seorang menjadi pengurus forum. Guru bertindak sebagai pemerhati manakala pelajar yang lain diminta mendengar dengan teliti.

## 2.8 Kaedah Diskusi

Pelajar membentuk kumpulan-kumpulan kecil untuk aktiviti ini. Setiap kumpulan membincangkan tajuk-tajuk kecil tentang isi pelajaran. Contohnya, tajuk kecil ialah tentang watak dan perwatakan dalam sebuah novel atau cerpen. Setiap kumpulan membincangkan satu watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita yang dibincangkan. Guru bertindak sebagai pengatur idea, pemangkin idea, penunjuk jalan dan perumus.

## 2.9 Kaedah Soal Jawab

Tujuan kaedah ini ialah untuk meluaskan isi pelajaran, cerita atau teks. Beberapa soalan yang berkaitan dengan pengalaman pelajar dikemukakan oleh guru. Guru hendaklah mengetahui proses pemikiran pelajar. Segala jawapan pelajar hendaklah diterima. Namun, pada akhir sesi, guru hendaklah membincangkan jawapan pelajar dan mengemukakan jawapan yang tepat. Sesi ini diakhiri dengan satu tugasan.

## 3 Teknik

Berdasarkan kaedah-kaedah yang dibincangkan, para guru sastera boleh memilih teknik yang sesuai dalam pengajaran mereka. Pemilihan dan penggunaan teknik pengajaran perlu disesuaikan dengan tingkatan pelajar, kebolehan, kesediaan pelajar dan matlamat pengajaran.

Antara teknik yang boleh digunakan termasuklah:

### 3.1 Teknik Penerangan

Guru hendaklah menitikberatkan penghuraian lisan semasa menyampaikan isi pelajaran. Penerangan berfokus kepada penikmatan, pemahaman dan penghayatan bahan, isi cerita atau teks. Guru menerangkan perkara-perkara seperti nilai kemanusiaan dan gaya bahasa.

### 3.2 Teknik Keperihalan

Teknik ini hendaklah digunakan selepas teknik penerangan. Pelajar didedahkan kepada aspek-aspek kesusteraan tertentu seperti bentuk, gaya bahasa, nilai, elemen struktur, unsur psikologi dan unsur sosiologi. Guru memastikan bahawa bahan yang dipetik daripada teks berfokus kepada objektif khusus pengajaran.



### **3.3 Teknik Perbandingan**

Teknik ini bertujuan untuk membantu pelajar melihat persamaan atau perbezaan beberapa perkara. Kemahiran yang digunakan ialah kemahiran menganalisis. Pelajar menggunakan kemahiran ini untuk menentukan persamaan atau perbezaan serta melihat kaitan antara perkara-perkara yang hendak dibincangkan. Contohnya, pelajar menganalisis persamaan, perbezaan dan perhubungan dua watak dalam sesebuah novel atau menganalisis persamaan dan perbezaan latar antara dua cerpen.

### **3.4 Teknik Cerakinan**

Pelajar didedahkan dengan isi pelajaran, cerita atau teks supaya mereka dapat menghayati, memahami dan menilai cerita yang dibaca oleh pelajar. Guru mencerakinkan setiap elemen, satu demi satu, sehingga terbentuk satu kesatuan. Contohnya, dalam pengajaran sajak, guru mencerakinkan keindahan bahasa yang digunakan dengan melihat kepada stanza, baris atau bait puisi. Kemudian, aspek itu dikelompokkan dari segi personifikasi, metafora, aliterasi atau asonansi. Aspek-aspek ini digabungkan bagi membentuk keindahan sajak.

### **3.5 Teknik Latihan**

Latihan secara bertulis atau lisan didedahkan kepada pelajar. Latihan yang pelbagai seperti tugas, penceritaan semula, mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman sedia ada, peraduan mengarang, pementasan drama dan pembacaan puisi. Selain itu juga pelajar boleh didedahkan dengan Lembaran Penyusun Grafik dan Peta Minda sebagai panduan dalam bentuk gambar rajah untuk merekodkan maklumat dan melihat perhubungan fakta, memahami dan mengingat maklumat dengan lebih mudah.

### **3.6 Teknik Percambahan Fikiran**

Teknik penjanaan idea ini dilakukan dalam kumpulan kecil (4-5 orang). Seorang pelajar menjadi pengurus dan seorang lagi penulis idea. Guru hendaklah memastikan pengurus berupaya menggalakkan ahli-ahli kumpulan menjana idea tentang sesuatu aspek dalam cerita atau teks tanpa dinilai atau dipertikaikan.

### **3.7 Teknik Teater Pembaca dan Bercerita**

Pelajar menghayati dan membaca skrip cerita dengan menggunakan sebutan, nada, intonasi yang betul bagi menggambarkan sesuatu cerita yang dipersembahkan. Pelajar juga boleh merealisasikan sesuatu watak dalam sesebuah cerita yang disampaikan dalam bentuk lakonan.

### **3.8 Teknik Pemaduan Seni**

Untuk merangsang penghayatan pelajar terhadap sesebuah karya, unsur-unsur seni seperti muzik, seni lukis, seni tari, kaligrafi, dan seni lakon disepadukan untuk menghidupkan karya tersebut.

### **3.9 Teknik Kerusi Panas**

Pelajar melakonkan watak-watak tertentu daripada novel, cerpen atau bahan sastera yang lain. Pelakon tersebut perlu melakonkan watak dan perwatakan dengan penuh penghayatan. Pelajar yang lain menyayal pelakon tentang tindakannya atau pemikirannya berdasarkan watak dan perwatakan yang dilakonkan.

### **3.10 Teknik Tangga Cerita**

Pelajar dikehendaki menyusun dan mencatat peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita mengikut urutan dengan menggunakan bahan grafik agar mereka dapat memahami plot dan sinopsis cerita.

### **3.11 Teknik Cerpendra**

Sekumpulan pelajar melakonkan sesebuah cerpen dalam bentuk drama. Teknik ini mendalamkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap watak, latar, tema dan persoalan yang ingin dipaparkan oleh penulis.

Selain pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang disenaraikan, kepelbagaiannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kesusastraan Melayu boleh membantu pelajar menguasai aspek sastera. Antara sumber tersebut ialah:

- pusat sumber
- internet
- akhbar
- majalah
- filem
- glosari
- organisasi
- sumber hidup

Guru juga perlu menggalakkan pelajar membaca secara luas hasil karya sastera yang pelbagai selain teks wajib. Pembacaan luas juga melibatkan pembacaan bahan bukan sastera yang meliputi pelbagai disiplin ilmu. Pembacaan luas dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu sastera, membentuk sahsiah pelajar di samping memupuk budaya membaca dan menggalakkan pelajar untuk berkarya.



## Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Perancangan aktiviti pengajaran yang teliti dan disokong dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan berkesan akan dapat merangsang pelajar memahami, menghayati dan mencerakin karya sastera secara analitis dan kritis. Kemahiran ini perlu agar pelajar berupaya memberikan respons bukan sahaja terhadap teks sastera yang dipelajari di bilik darjah malah teks sastera yang terdapat dalam bahan cetak, bukan cetak dan bahan digital.

Perancangan aktiviti perlu mengambil kira ciri-ciri berikut:

- pelajar terlibat secara aktif;
- pelajar diberi peluang dan masa yang cukup untuk memberikan respons (mentafsir dan memberikan pandangan) tentang teks;
- pelajar berpeluang melahirkan sudut pandangan mereka; dan
- pelajar perlu dilengkapskan dengan kemahiran mengapresiasi sastera agar dapat membuat kajian teks dengan sebaiknya

Berikut ialah beberapa aktiviti saranan bagi membantu pelajar memahami dan menghargai pelbagai jenis genre.

Cara-cara Mengenalkan Pelajar kepada Sesuatu Genre		Prosa		Puisi	Drama
		Novel	Cerpen		
1	<b>Mendedahkan pelajar kepada pelbagai jenis puisi (pantun, syair, gurindam, sajak dsb)</b>			✓	
2	<b>Transformasi</b>  Mengolah semula teks dalam genre yang sama atau mengolah semula teks dalam genre yang lain.	✓	✓	✓	✓

Cara-cara Mengenalkan Pelajar kepada Sesuatu Genre	Prosa		Puisi	Drama
	Novel	Cerpen		
3 <b>Persembahan Lisan</b> Pelajar membaca kuat puisi untuk menentukan rima dan nada pelbagai jenis puisi (cth, perbezaan pembacaan pantun, syair dan sajak)			✓	
4 <b>Main Peranan dan Drama</b> Pelajar melakukan latihan drama yang mudah seperti mengekspresi/menggayaikan perasaan, melakonkan watak yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia.				✓
5 <b>Teknik Soal Jawab</b> Pelajar disoal tentang perbezaan antara pelbagai genre dalam sastera dan kemudiannya diikuti dengan perbincangan. Soalan seperti perbezaan puisi dan novel yang mengetengahkan isu peperangan.	✓	✓	✓	✓



## Contoh beberapa strategi pengajaran

Strategi pengajaran sastera boleh dikategorikan kepada tiga bahagian utama seperti yang berikut:

<b>Cara-cara merangsang minat pelajar pada teks yang diberikan</b>	Cara-cara untuk menarik minat pelajar kepada teks, mencungkil pengetahuan sedia ada, mengaitkan teks kepada pengalaman peribadi, menimbulkan <i>mood</i> /perasaan hati, mencetuskan perasaan ingin tahu dan menjana gambaran visual yang bersesuaian.
<b>Cara-cara meneroka aspek pembelajaran</b>	Kaedah ini dapat digunakan ketika melaksanakan penerokaan yang terperinci mengenai mana-mana aspek pembelajaran: sudut pandangan, latar, watak dan perwatakan, plot dan gaya.
<b>Cara-cara menjana respons yang kreatif</b>	Aktiviti-aktiviti yang disarankan bertujuan untuk menggalakkan pelajar meluahkan pandangan mereka dan berkongsi dengan rakan.

Strategi dan aktiviti yang boleh dilakukan guru tidak terhad kepada apa yang disarankan dalam bab ini sahaja. Guru boleh memilih pelbagai strategi yang sesuai. Pemilihan tersebut haruslah berdasarkan pertimbangan berikut:

- Adakah aktiviti menepati objektif pelajaran?
- Adakah aktiviti-aktivitinya pelbagai?
- Adakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan saling melengkap?

### Cara-cara Merangsang Minat Pelajar kepada Teks Prosa (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama

1	<b>Idea utama atau isu sesebuah teks dijadikan bahan renungan pelajar atau bahan perbincangan yang dapat dijalankan secara berpasangan atau dalam kumpulan.</b>  Contoh arahan untuk pelajar: <ul style="list-style-type: none"><li>• Kamu akan membaca sebuah teks mengenai seorang wanita miskin. Mulakan dengan membayangkan seorang wanita miskin yang kamu tahu. Apakah perasaan dan sikap kamu terhadapnya? Adakah beliau berbeza dengan orang lain yang kamu kenal? Adakah kamu suka akan wanita itu? Mengapa?</li><li>• Terangkan dapatan kamu kepada pasangan kamu.</li></ul>
---	--

## Cara-cara Merangsang Minat Pelajar kepada Teks Prosa

### (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama

2	<p><b>Membaca sumber lain yang mengandungi isu/kandungan yang sama seperti teks yang dibaca, contohnya, gambar, cerpen atau artikel.</b></p> <p>Bahan-bahan yang dipilih oleh pelajar atau guru boleh diambil daripada majalah, akhbar atau internet. Sumber-sumber ini dapat membantu pelajar membuat kaitan antara isu yang diutarakan teks dengan keadaan yang berlaku di sekeliling atau pengalaman peribadi pelajar.</p>
3	<p><b>Menggunakan sumber audio-visual dan ICT.</b></p> <p>Menggunakan sumber yang pelbagai, tidak hanya bergantung pada yang bercetak sahaja. Contohnya e-buku dan e-cerpen.</p>
4	<p><b>Teknik soal jawab</b></p> <p>Menerusi soal jawab, guru merangsang proses pemikiran pelajar. Pelajar juga dapat menggunakan imaginasi untuk mengaitkan pengalaman/pengetahuan pelajar kepada pelajaran yang berikutnya. Teknik ini melibatkan pelajar menilai kefahaman mereka terhadap apa yang telah pelajari oleh mereka.</p>
5	<p><b>Meneroka tajuk</b></p> <p>Pelajar meneroka makna di sebalik tajuk sesebuah cerita/puisi/drama. Pelajar boleh mengaitkan tajuk teks dengan watak utama, tema atau latar teks tersebut.</p>
6	<p><b>Membuat ramalan</b></p> <p>Pelajar membaca petikan daripada teks dan meramalkan apa yang akan berlaku kemudianya atau sebelumnya.</p>
7	<p><b>Membuat kajian</b></p> <p>Pelajar memerlukan pengetahuan latar dan maklumat agar mereka memahami konteks/latar sesebuah teks. Secara berkumpulan, pelajar ditugaskan membuat kajian ke atas sesuatu topik/isu dengan mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber termasuk yang bercetak dan yang bukan bercetak.</p>

## Cara-cara Meneroka Aspek Pembelajaran (sudut pandangan, latar, perwatakan, plot dan struktur, dan gaya)

1	<b>Menulis semula permulaan dan kesudahan teks</b> <p>Pelajar dikehendaki memulakan dan/atau mengakhiri puisi/cerpen yang telah dipadamkan stanza/perenggan pertama dan terakhir.</p>
2	<b>Kesinambungan</b> <p>Cetak setiap stanza/perenggan sebuah teks/puisi di atas jalur-jalur kertas. Pelajar bekerja dalam kumpulan kecil. Setiap kumpulan ditugaskan untuk menyusun semula jalur-jalur kertas tersebut sehingga menjadi teks/puisi yang lengkap dan teratur. Kemudian, buat perbandingan dengan teks/puisi asal.</p>
3	<b>Membuat ramalan</b> <p>Pelajar membaca semula sebuah teks dan berhenti di suatu bahagian/babak/bab. Pelajar kemudian diminta secara individu, berpasangan atau dalam kumpulan kecil, untuk membuat ramalan tentang perkembangan peristiwa/plot atau watak, dan juga kesudahan teks tersebut. Bacaan diteruskan dan ketepatan ramalan dibincangkan seterusnya.</p>
4	<b>Bacaan terarah</b> <p>Kenalkan teks dalam beberapa bahagian supaya pelajar dapat memberikan tumpuan khusus pada satu bahagian dalam satu masa.</p>



## Cara-cara Meneroka Aspek Pembelajaran (sudut pandangan, latar, perwatakan, plot dan struktur, dan gaya)

<p>5</p> <p><b>Penggunaan penyusun grafik dan rajah seperti berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• carta alir</li> <li>• peta urutan</li> <li>• carta sebab dan akibat</li> <li>• garis masa</li> <li>• sarang lelabah</li> <li>• kalendar</li> <li>• peta</li> <li>• pelan</li> </ul> <p>Pelajar boleh menggunakan penyusun grafik dan rajah untuk tujuan-tujuan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengaitkan krisis kepada sebab dan akibat</li> <li>• mengenal pasti peristiwa-peristiwa penting</li> <li>• mengikuti perkembangan peristiwa/plot mengikut masa</li> <li>• memperlihatkan perhubungan watak-watak</li> <li>• memperlihatkan emosi dan perasaan watak dan perubahan perhubungan tertentu dalam cerita</li> <li>• mencerakinkan watak</li> </ul> <p>Pelajar menilai rajah yang direka oleh mereka bagi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menerangkan bagaimana mereka memperlihatkan atau menggambarkan maklumat-maklumat relevan; dan</li> <li>• melihat keberkesanan penerangan dan penjelasan idea.</li> </ul>
<p>6</p> <p><b>Menggunakan bahan ICT dan sumber audio dan visual yang lain</b></p> <p>Membuat perbandingan cerita yang sama yang dipaparkan dalam bentuk filem dan bentuk teks .</p>



**Cara-cara Meneroka Aspek Pembelajaran  
(sudut pandangan, latar, perwatakan, plot dan struktur, dan gaya)**

7	<p><b>Teknik soal jawab</b></p> <p>Soalan-soalan diajukan oleh guru sebagai panduan kepada pelajar mencapai matlamat pembacaan serta membantu pelajar memberikan tumpuan pada sesuatu perkara.</p> <p>Soalan-soalan ini boleh berbentuk soalan pemahaman atau jurnal renungan atau penilaian kendiri.</p> <p>Contoh soalan:</p> <p>“Apakah perasaan yang kamu alami ketika membaca sajak ini?”,</p> <p>“Apakah kesan cerita ini kepada diri kamu?”</p>
8	<p><b>Percikan kata</b></p> <p>Pelajar memberikan percikan kata yang membawa makna semantik yang terdapat dalam tajuk atau kandungan teks. Kemudian, mereka boleh membulatkan perkataan-perkataan yang tidak disangka-sangka timbul dalam petikan teks tersebut. Pelajar membuat penilaian kepada pemilihan perkataan itu.</p>
9	<p><b>Ilustrasi</b></p> <p>Pelajar melukis imejan yang sesuai dengan peristiwa, watak, latar atau tema teks. Ilustrasi ini boleh dipadankan dengan nukilan-nukilan yang sesuai daripada teks.</p>
10	<p><b>Aktiviti mengisi maklumat</b></p> <p>Pelajar boleh mengisi maklumat-maklumat yang sengaja ditiadakan dalam teks menerusi aktiviti menulis jurnal, dialog, surat atau e-mel.</p>

**Cara-cara Meneroka Aspek Pembelajaran  
(sudut pandangan, latar, perwatakan, plot dan struktur, dan gaya)**

<p><b>11 Main peranan dan melakonkan drama</b></p> <p>Aktiviti ini boleh digunakan untuk melakonkan semula babak dalam drama atau peristiwa dalam cerpen/novel.</p> <p>Pelajar boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca kuat babak dalam drama dengan memberikan tumpuan pada makna dan ekspresi</li> <li>• main peranan sebagai watak atau mendramakan satu babak daripada teks</li> <li>• membuat perancangan pada kedudukan dan pergerakan watak di pentas</li> <li>• menyediakan penerangan, dalam bentuk ilustrasi atau penulisan, pakaian (kostum), set penggambaran (latar) dsb</li> <li>• meringkaskan teks dan melakonkannya dalam persesembahan yang mengambil masa lebih kurang lima minit</li> <li>• mengenal pasti dan melakonkan babak-babak yang berlainan yang menggambarkan perbezaan sifat/sikap watak</li> <li>• menukar/memperbaiki babak-babak atau membincangkan watak-watak dalam teks</li> </ul>
<p><b>12 Ringkasan</b></p> <p>Pelajar menulis sinopsis drama untuk disertakan dalam program teater. Pelajar menceritakan semula plot atau idea utama menggunakan perkataan mereka sendiri.</p>
<p><b>13 Menggunakan aktiviti bahasa</b></p> <p>Pelajar meneliti pelbagai jenis teks seperti iklan dan ucapan untuk mengenal pasti dan memilih perkataan-perkataan yang berkesan. Pelajar kemudian boleh mengkategorikan perkataan-perkataan tersebut untuk melihat bagaimana perkataan dapat memberikan konotasi dan kesan yang berbeza.</p> <p>Pelajar membandingkan kesan penggunaan dan susunan ayat-ayat panjang, pendek dan antara dua perenggan atau stanza.</p> <p>Pelajar dikenalkan kepada istilah-istilah baharu dan/atau penting dalam wacana teks.</p>

## Cara Menjana Respons Kreatif

### Prosa (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama

1	<p><b>Persembahan secara lisan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantomin</li> <li>• Main peranan</li> <li>• Rakaman bacaan teks</li> </ul>
2	<p><b>Jurnal/Diari/Blog</b></p> <p>Pelajar menulis jurnal, diari atau blog tentang watak pilihan mereka tanpa memberi nama pada watak itu. Pelajar kemudian digalakkan untuk bertukar-tukar jurnal/diari/blog watak pilihan dan meneka watak tersebut. Kemudian, pelajar fikirkan pula siapakah watak dalam cerita yang menulis jurnal/diari/blog tersebut.</p>
3	<p><b>Surat</b></p> <p>Pelajar menulis sepucuk surat kepada watak pilihan dalam cerita.</p>
4	<p><b>Menulis semula peristiwa dari sudut pandangan yang berbeza</b></p> <p>Pelajar memainkan peranan sebagai watak pilihan mereka dan renung kembali tentang suatu peristiwa dalam teks. Pelajar kemudian mengubah bentuk bahagian-bahagian tertentu dalam teks kepada bentuk diari, surat, ulasan, coretan akhbar, skrip drama dan sebagainya.</p>
5	<p><b>Transformasi</b></p> <p>Pelajar diminta untuk mengubah teks asal atau asli kepada bentuk/pandangan yang lain seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• olah semula dalam genre yang lain atau jenis teks. Misalnya, prosa &lt;--&gt; puisi, novel &lt;--&gt; drama</li> <li>• olah semua dari perspektif yang lain. Misalnya, pandangan wanita &lt;--&gt; pandangan lelaki olah versi yang baru</li> <li>• rentas cipta teks naratif menjadi diari, ulasan, coretan akhbar, skrip drama dan sebagainya.</li> </ul>

## Cara Menjana Respons Kreatif Prosa (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama

6	<b>Main peranan dan melakonkan drama</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• mementaskan drama atau sesuatu babak</li><li>• membuat pementasan versi moden dalam bentuk penyiaran bagi media massa seperti siri drama televisyen atau tarian kontemporari/ taridra.</li><li>• rentas cipta</li><li>• menulis dialog perbualan antara watak yang penulis tidak sertakan dalam penulisannya</li><li>• menukar latar cerita</li><li>• mengembangkan, meluaskan atau memperincikan dialog</li></ul>
7	<b>Menggunakan penyusun grafik dan rajah</b> <p>Pelajar menggunakan penyusun grafik dan rajah yang dapat merangsang minat.</p>
8	<b>Ilustrasi</b> <p>Pelajar mengilustrasikan idea-idea utama, peristiwa-peristiwa penting, watak-watak dan latar dalam teks menurut interpretasi pelajar terhadap teks dan mereka kulit buku.</p>
9	<b>Respons peribadi</b> <p>Pelajar menggambarkan dan berkongsi perasaan dan pandangan mereka dalam bentuk lisan atau tulisan dalam bentuk jurnal/diari/blog.</p>
10	<b>Perbincangan</b> <p>Secara berkumpulan, pelajar berkongsi pandangan perasaan dan reaksi mereka.</p>
11	<b>Menghasilkan sajak</b> <p>Pelajar boleh menghasilkan pelbagai bentuk sajak.</p>

# Penilaian Tidak Formal dan Formal

## Pengenalan

Disarankan agar guru sentiasa menyemak cara membuat penilaian kelakonan pelajar memandangkan perubahan yang sentiasa berlaku dalam bidang pendidikan. Penilaian yang dijalankan haruslah jenis penilaian yang dapat membantu pelajar memperbaik pencapaian mereka.

## Penilaian Tidak Formal

### Objektif Penilaian

Penilaian tidak formal di sekolah dijalankan untuk menyokong peperiksaan formal. Yang berikut ialah beberapa aspek positif penilaian tidak formal:

- Kadangkala pelajar yang dapat menghasilkan tugas yang baik tetapi tidak dapat menunjukkan kelakonan yang baik apabila menghadapi tekanan peperiksaan. Dengan penilaian tidak formal mereka akan berpeluang untuk menunjukkan kelakonan terbaik mereka dalam suasana yang selesa.
- Para pelajar yang lemah dalam bidang akademik dan menghadapi masalah menjawab soalan-soalan peperiksaan pen dan kertas, akan diberi peluang menjalankan tugas dalam bentuk yang lain.
- Penilaian tidak formal memberikan lebih fleksibiliti dalam membina tugas penilaian.
- Penilaian tidak formal membolehkan pemantauan perkembangan pelajar dengan lebih rapi dan guru berupaya menangani apa-apa masalah pada masa masalah tersebut timbul.
- Penilaian tidak formal membolehkan guru menjalankan penilaian tentang pencapaian pelajar dengan lebih komprehensif pada jangka waktu yang panjang.

Walaupun aspek-aspek yang diberikan tadi memberikan sebab yang baik untuk menjalankan penilaian tidak formal, tiga aspek yang terakhir tidak digunakan sepenuhnya. Penilaian tidak formal seharusnya menjadi cara untuk memantau perkembangan pelajar pada masa pelajar menjalankan tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang pelbagai. Oleh sebab penekanan pada keputusan peperiksaan, banyak penilaian tidak formal dibentuk seperti peperiksaan; latihan untuk menjawab soalan yang dibentuk seakan-akan peperiksaan semester. Penggunaan jenis penilaian sedemikian yang terlalu kerap tidak dapat memberi pelajar peluang untuk memberikan respons yang pelbagai seperti yang digalakkan dalam sukan ini.

## Pendekatan Penilaian

Ciri utama penilaian tidak formal ialah penekanan yang harus diberikan pada elemen penilaian formatif. Penilaian yang berterusan akan membolehkan pelajar menyemak dan merenung nilai hasil-hasil kerja mereka pada tahap-tahap tertentu.

Ada banyak cara penilaian tidak formal yang dapat dijalankan. Cara-cara yang diberikan dalam sukatan ini hanyalah sekadar contoh-contoh yang boleh digunakan. Guru mungkin juga telah menggunakan cara-cara lain yang menepati keperluan sukatan ini.

### Penilaian Secara Lisan

Penilaian secara lisan, sekiranya dilakukan dengan teratur, merupakan pendekatan menilai perkembangan pelajar sebaik penilaian secara bertulis. Tugasan penilaian secara lisan perlu dirancang dengan teliti, dijalankan dengan tersusun serta kriteria penilaian disiapkan terlebih awal yang telah diterangkan kepada pelajar. Penggunaan perakam, kamera video (pelajar boleh diminta menguruskan hal penerbitan) boleh membantu dalam hal ini.

Penilaian secara lisan yang boleh dijalankan termasuklah:

- Pembacaan individu/penyampaian puisi, prosa atau petikan drama.
- Lakonan drama, babak daripada drama oleh sekumpulan pelajar.
- Main peranan secara berpasangan atau berkumpulan.
- Persembahan drama sebahagian novel, cerpen atau puisi.
- Analisis puisi secara berpasang.
- Analisis individu atau berpasangan tentang puisi atau prosa bebas.
- ‘Kerusi Panas’ atau mewawancara watak atau penulis.

### Tugasan Penulisan Individu

Apabila memberi pelajar tugas penulisan dalam penilaian tidak formal, tugas tidak seharusnya terbatas pada jenis soalan-soalan peperiksaan yang telah dimudahkan tahap kepayahannya. Pelajar harus diberi peluang untuk memberikan respons secara bertulis menggunakan pelbagai cara, dari jenis imaginatif atau kreatif sehinggalah jenis teks yang analitikal atau kritikal.

Tugasan penulisan boleh diberikan antaranya seperti contoh yang berikut:

- Membina semula teks, atau sebahagian teks dari sudut pandangan yang berbeza atau untuk khalayak yang berbeza, contohnya kanak-kanak.
- Menulis untuk akhbar.
- Menulis sebagai watak melalui diari atau surat.
- Menulis lanjutan sesebuah teks seperti bab tambahan.
- Menulis teks lain yang menggunakan teknik atau gaya penulisan teks yang dibaca.
- Menulis panduan bagi puisi atau prosa.

### Tugasan teks bebas

Sukatan ini memerlukan pelajar dinilai secara formal menggunakan teks bebas (unseen) dan teks-teks yang telah ditetapkan pada program. Walau bagaimanapun, dalam pengajaran sastera, penekanan harus diberikan pada pembinaan kemahiran yang membolehkan pelajar membaca semua jenis teks, yang ditetapkan mahupun yang bebas. Pelajar harus mempunyai keyakinan dan kebolehan untuk menganalisis kandungan, bahasa dan gaya.

Untuk menilai kebolehan pelajar menganalisis teks bebas, guru haruslah membentuk soalan yang memerlukan pelajar memberikan gambaran terperinci dan jauhi memberikan soalan-soalan jenis tertutup.

Contoh:

Bagaimana penulis menggunakan bahasa figuratif dalam teks yang diberikan dan pada pendapat kamu, apakah tujuan penulis?

Elakkan soalan seperti yang berikut:

Berikan dua contoh metafora yang digunakan dalam teks dan terangkan maknanya.

Teks bebas juga boleh dinilai menggunakan penilaian secara lisan seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

### Portfolio Pelajar

Untuk memberikan penilaian pencapaian pelajar yang lebih holistik, baik sekiranya dapat digabungkan penilaian tidak formal dengan penilaian formal, contohnya dengan menggunakan portfolio pelajar. Portfolio secara am ialah kumpulan tugas yang telah selesai dalam satu jangka waktu tertentu. Portfolio mengandungi bukti-bukti tahap pencapaian pelajar dalam pelbagai bidang pembelajaran.

Kebaikan menggunakan portfolio adalah seperti yang berikut:

- Konsisten dan usaha yang berterusan sekiranya seseorang pelajar itu mahu mencapai kecemerlangan dalam pelajarannya.
- Kesedaran bahawa kesemua tugas akan menjadi sebahagian portfolio akan mendorong pelajar memberikan tumpuan pada kesemua tugas bukan beberapa yang dipilih sahaja.
- Menyertakan salinan draf dan tugas yang telah selesai boleh memberikan motivasi kepada pelajar untuk menyediakan tugas yang sebaik mungkin.
- Portfolio membolehkan pelajar, ibu bapa dan guru memantau tahap pencapaian dalam pelbagai jenis tugas akan memaparkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang keupayaan pelajar.
- Peluang untuk pelajar menilai diri mereka sendiri yang membolehkan pelajar memainkan peranan dalam pembelajaran mereka secara aktif.

Jenis Portfolio	Kandungan
Portfolio Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan fokus pada pembinaan dan proses bukan produk. Portfolio kerja digunakan oleh guru dan pelajar untuk memantau dan menilai perkembangan</li> <li>Termasuk hampir kesemua tugas pelajar dalam peringkat-peringkat yang berbeza seperti perancangan, menilai semula termasuk nota persidangan guru dan pelajar</li> <li>Boleh melibatkan tugas kolaboratif dan item-item bukan bercetak</li> </ul>
Portfolio Dokumentasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan fokus pada proses dan produk dan menyertakan bukti-bukti pencapaian untuk tujuan penilaian formal</li> <li>Termasuk perancangan, draf dan hasil tugas yang telah selesai (boleh juga menyertakan nota persidangan dengan guru)</li> <li>Boleh melibatkan tugas kolaboratif dan item-item bukan bercetak</li> </ul>
Portfolio Hasil Kerja Terbaik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan fokus pada kesemua tugas yang telah selesai untuk dinilai secara sumatif</li> <li>Secara am hanya memasukkan tugas yang telah selesai, biasanya tugas 'terbaik' pelajar</li> <li>Kesemua tugas yang telah selesai lebih pada tugas individu dan bercetak.</li> </ul>

#### Contoh Kandungan Portfolio Hasil Kerja Terbaik

1. Tugasan terbaik teks prosa
2. Tugasan terbaik teks drama.
3. Tugasan terbaik teks puisi.
4. Tugasan teks bebas terbaik.
5. Tugasan puisi bebas terbaik.
6. Pilihan pelajar dan sebab mengapa disertakan.
7. Nota persidangan guru dengan pelajar.
8. Renung nilai pelajar.

## Tujuan dan kegunaan portfolio:

- menjadi sistem penilaian yang komprehensif untuk menggantikan tugas penilaian berterusan individu. Sebagai satu alternatif, tugas penilaian berterusan boleh diteruskan seiringan dengan pembinaan portfolio;
- digunakan oleh seluruh Program Sastera Bahasa Ibunda dan diterima pakai oleh sistem penilaian sekolah sebagai mod penilaian;
- digunakan sebagai alat renung nilai dan nilai kendiri pelajar yang membantu mereka menilai tugas mereka dan memantau perkembangan pembelajaran mereka
- boleh digunakan dalam jangka masa setahun pembelajaran ataupun keseluruhan program, iaitu bermula dari Menengah 3 dan berakhir di peringkat Menengah 4.

## Cara memilih tugas dan kandungan porfolio:

- Pelajar boleh memilih tugas 'terbaik' mereka. Secara keseluruhan adalah tugas yang telah selesai tetapi ada juga tugas-tugas yang 'sedang diusahakan'. Pemilihan boleh dilakukan oleh pelajar sendiri atau berbincang dengan guru dalam proses pemilihan.
- Guru juga boleh menentukan tugas-tugas 'wajib' bagi semua pelajar.
- Portfolio juga boleh mengandungi tugas-tugas kolaboratif pelajar.
- Item-item bukan bercetak seperti CD audio dan video serta representasi grafik juga boleh disertakan.
- Komen guru boleh disertakan. Respons pelajar terhadap komen guru juga boleh disertakan.

Guru boleh menilai portfolio pelajar dengan menggunakan rubrik kelakonan. Rubrik boleh dibina berdasarkan kriteria yang diinginkan dan deskriptor berikut:

Kriteria	Deskriptor	
<b>Kandungan</b> Menerangkan darjah pengetahuan tentang maklumat atau pemahaman konsep, prinsip atau proses	Tepat Sesuai Asli/autentik Mencukupi Baik	Logik Relevan Tuntas Sah Mendalam
<b>Proses</b> Menerangkan darjah kemahiran serta keberkesanannya proses atau kaedah yang digunakan	Berhati-hati Komprehensif Ringkas Efektif Efisien	Lancar Logik Terancang Berurutan
<b>Kualiti</b> Menerangkan darjah kualiti produk atau kelakonan	Menarik Kreatif Terperinci Ekstensif Fokus	Kemas Terancang Tepat Unik
<b>Dapatan</b> Menerangkan kesan keseluruhan	Bermanfaat Meyakinkan Berkesan Menyentuh perasaan	Memuaskan hati Praktikal

Aspek yang paling penting untuk memberikan markah atau gred dalam sistem penilaian ialah pemahaman pelajar yang jelas tentang kriteria yang digunakan yang merangkumi:

- jangkaan yang harus dicapai oleh pelajar
- cara mereka akan dinilai
- kesan sesuatu penilaian itu terhadap perkembangan dan potensi mereka.

## Penilaian Formal

Penilaian formal dalam bahagian ini merujuk pada penilaian sumatif yang menilai keseluruhan pembelajaran berdasarkan sukatan ini.

Kertas peperiksaan bagi penilaian sumatif merangkumi teks-teks yang dipelajari, iaitu:

- Prosa
- Puisi
- Drama
- Teks Bebas (prosa dan/atau puisi)

## Panduan pemilihan teks bebas

- Teks yang dipilih haruslah merangkumi tema remaja/keluarga/masyarakat.
- Kepanjangan dan kandungan teks mencukupi untuk tujuan perbincangan.
- Tahap kepayahan bahasa sesuai dengan peringkat menengah tiga/empat.
- Sajak yang dipilih haruslah mengandungi maksud tersurat dan tersirat.

## Panduan pembinaan soalan

- Soalan yang dibina haruslah:
  - memberikan peluang kepada pelajar menunjukkan pemahaman terhadap maksud teks.
  - membolehkan pelajar membincangkan secara kritis cara penulis menyampaikan maksud/mesej yang terkandung dalam karya mereka.
- Kehendak soalan perlu dipelbagaikan dengan penggunaan perkataan dan frasa berikut:

Nyatakan.....  
Huraikan.....  
Bandingkan.....  
Jelaskan.....  
Bincangkan.....  
Sejauh manakah ....  
Adakah wajar.....  
Berjayakah penulis.....  
Berikan penilaian kamu tentang.....

Soalan-soalan yang dikemukakan bukan sahaja sering meminta pelajar mengingat dan menghamburkan fakta-fakta tentang teks atau kandungan literalnya tetapi memerlukan mereka menganalisis dan menilai isu-isu yang dikemukakan oleh penulis mengikut daya intelektual dan afektif mereka.

Untuk peperiksaan peringkat nasional, guru boleh merujuk sukatan peperiksaan di lelaman [www.seab.gov.sg](http://www.seab.gov.sg) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Sekolah-Sekolah (SEAB).